

**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI AHMAD MASLAN
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN
KE-20
CONSTRUCTION LABOUR
EXCHANGE CENTRE BERHAD
(CLAB)**

**PADA
04 MAC 2024 (ISNIN)**

**BERTEMPAT
HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR**

Yang Berbahagia, Datuk Seri Hj
Hasnol Zam Zam Bin Haji Ahmad
Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian
Kerja Raya

Yang Berhormat, Ir. Hj. Yusuf Bin Hj
Abd. Wahab
Pengerusi CIDB Malaysia

Yang Berbahagia, Dato' Sr Mohd Zaid
Zakaria
Ketua Eksekutif CIDB Malaysia

Yang Berusaha, Encik Abdul Rafik bin
Abdul Rajis
Ketua Eksekutif CLAB

Wakil Kementerian, Jabatan dan
Agensi Kerajaan yang berkaitan

Ahli Lembaga Pengarah Construction
Labour Exchange Centre Berhad

Penggiat Industri Pembinaan Negara
serta pihak Media

Datuk/ Dato'Sri/ Dato'/ Tuan/ Puan
sekalian,

Salam Sejahtera, Salam Malaysia
Madani.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

1. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Construction Labour Exchange Centre Berhad (CLAB) atas Sambutan Ulang Tahun penubuhannya yang Ke-20 pada petang ini. Terima kasih juga diucapkan kepada tetamu yang hadir dari pelbagai agensi kerajaan, pihak kontraktor, serta rakan-rakan media.

2. Meskipun menjelang tahun baru yang sibuk dengan aktiviti dan tugas harian, CLAB tetap memberikan komitmen untuk melaksanakan majlis sambutan ulang tahun ini dengan persiapan yang cukup membanggakan. Tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga kerja CLAB di atas kesungguhan yang ditunjukkan melalui penganjuran majlis ini.

3. Saya mengalu-alukan usaha CLAB untuk meraikan ulang tahun buat pertama kalinya. Sambutan ini merupakan peluang untuk kita melihat kembali pencapaian dan perancangan untuk tahun-tahun yang mendatang.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

4. Sebentar tadi, Encik Abdul Rafik bin Abdul Rajis, Ketua Eksekutif CLAB telah menceritakan kepada kita mengenai sejarah ringkas penubuhan CLAB. Dapat saya fahami bahawa tidak mudah untuk CLAB sampai ke tahap ini. Segala kejayaan dan pencapaian yang telah dilakar sepanjang tempoh penubuhannya, sudah pasti berteraskan komitmen dan semangat kental seluruh warga CLAB terdahulu dan sekarang yang menyumbang keringat tanpa mengenal erti putus asa.

5. Hasilnya, dalam tempoh usia penubuhan 20 tahun ini, CLAB bukan sahaja mampu berdiri megah seiring dengan agensi-agensi kerajaan lain yang lebih senior, malah juga mampu menjadi sebuah agensi yang turut dikenali dan disegani di peringkat nasional dan antarabangsa. Sama-sama kita berikan tepukan yang paling gemuruh buat Construction Labour Exchange Centre Berhad (CLAB) di atas kejayaan cemerlang yang telah dikecapi sepanjang 20 tahun ini.

6. Walau bagaimanapun, realiti semasa jelas menunjukkan bahawa perkhidmatan perlu disampaikan dengan cepat, tepat dan berintegriti dalam memenuhi kehendak kumpulan

sasaran. Kejayaan memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pelanggan bergantung kepada kreativiti dan inovasi dalam menerokai pendekatan baru.

7. Justeru, saya berbangga melihat kesungguhan CLAB di dalam mengikuti arus perubahan di dalam mengendalikan pengurusan tenaga pekerja asing bagi memenuhi tuntutan pihak berkepentingan yang sentiasa mengharapkan tahap perkhidmatan yang terbaik.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

8. Malaysia merupakan sebuah Negara yang pesat membangun, dengan pertumbuhan ekonomi yang

mantap. Pada tahun 2024, ekonomi Malaysia diunjur berkembang antara 4.0 hingga 5.0 peratus berbanding 4.0 peratus yang disasarkan pada 2023. Dengan peningkatan berkenaan, Malaysia perlu melakukan perubahan menyeluruh khususnya dalam pembangunan infrastruktur, dan prasarana yang sistematik. Oleh itu, kesemua ini perlu dibangunkan dalam masa yang singkat selaras dengan perkembangan negara dalam usaha untuk mencapai misi ini.

9. Sewaktu program pemukiman Jemaah Menteri pada 18 Januari 2024, Kementerian Kerja Raya (KKR) telah mengariskan lima (5) inisiatif yang telah dijadikan “Pledge of Result di bawah Kerangka Strategi Malaysia

MADANI (KSMM) dan salah satu daripada 5 inisiatif tersebut adalah untuk memperluas penggunaan teknologi dalam pembinaan melalui program latihan Industrial Building System (IBS) dan BIM. Ekonomi pembinaan menyasarkan tahap adaptasi teknologi melalui penggunaan IBS dengan skor 70% bagi kedua-dua kategori projek Awam dan Swasta. Kementerian Kerja Raya (KKR) juga menetapkan pencapaian sasaran sekurang-kurangnya 50% Pihak Berkuasa Tempahan (PBT) diseluruh negara mensyaratkan Polisi IBS di dalam permohonan pelan bangunan menjelang tahun 2025 yang akan dilaksanakan melalui kerjasama dengan pihak Kementerian

Pembangunan dan Kerajaan
Tempatan (KPKT).

10. Selain itu, dalam merealisasikan halatuju Kementerian, tahap kebergantungan pekerja asing dikurangkan dari 37% kepada 15% pada tahun 2030. Ini boleh dilaksanakan melalui inisiatif peningkatan jumlah pekerja tempatan yang menjalani latihan *reskilling dan upskilling* seperti mana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terdapat juga syarikat swasta dan awam yang bekerjasama dalam memastikan program-program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dapat memenuhi tuntutan industri. Semoga inisiatif-inisiatif

seperti ini dapat diperluaskan kepada penggiat industri lain untuk memperkasakan kerjasama awam-swasta.

11. Namun begitu, Malaysia masih mengalami kekurangan tenaga kerja tempatan untuk memajukan pembangunan dan secara tidak langsung menyebabkan Malaysia memerlukan tenaga kerja dari luar negara seperti Vietnam, Myanmar, India, Bangladesh dan Indonesia. Dengan adanya pekerja asing yang bekerja sebagai tenaga kerja, maka proses pembangunan Negara akan berlangsung dengan lebih cepat.

12. Tambahan pula, berdasarkan teras pertama kerangka ekonomi MADANI iaitu *Raise the Ceiling: Peneraju Ekonomi di Rantau Asia*, Kementerian menyasarkan satu elemen utama iaitu Pemerkasaan Pendigitalan Sektor Pembinaan. Dalam merealisasikan halatuju Kementerian, KKR melalui Dasar Pembinaan Negara (National Construction Policy - NCP) 2030 dengan visi “Digitalising Construction Sector 2030” telah mensasarkan menjelang 2030, pertumbuhan sektor pembinaan dijangka mencapai sebanyak 10.3%. Secara tidak langsung, ini akan meningkatkan keperluan tenaga kerja dalam sektor pembinaan di Malaysia.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

13. Pada masa kini, terdapat pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh semua pihak dalam sektor pembinaan. Antara isu yang perlu ditangani adalah mengenai isu buruh paksa yang berleluasa. Isu buruh paksa ini memberikan imej yang negatif kepada sektor pembinaan di Malaysia. Ianya juga telah memberikan kesan terhadap laporan Trafficking in Person (TIP) oleh Amerika Syarikat yang mana negara telah jatuh ke Tahap Tier 3. Gejala buruh paksa ini merangkumi isu pembayaran gaji pekerja dibawah Akta Kerja 1955 (Akta 265) dan juga Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan

Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446). Penguatkuasaan berterusan bagi akta-akta ini adalah penting dalam memastikan usaha negara untuk membanteras elemen buruh paksa dalam sektor pembinaan. Pematuhan dan pelaksanaan akta ini juga secara tidak langsung akan membantu dalam menangani isu hak dan kebajikan pekerja bagi memastikan Malaysia tidak lagi dikaitkan dengan amalan buruh paksa dan dipercayai boleh menyumbang untuk mencapai kedudukan Tier 2 sekiranya dilakukan dengan pematuhan akta yang ketat.

14. Oleh itu, segala usaha pemantauan yang dilakukan oleh pihak CLAB perlu diteruskan dalam memastikan kebajikan pekerja dijaga dan secara tidak langsung dapat mengurangkan amalan buruh paksa di Malaysia. CLAB juga turut memainkan peranan dalam menerajui usaha sama bersama penyedia perkhidmatan yang lain untuk menyediakan penempatan pekerja mengikut standard yang ditetapkan bagi kegunaan industri pembinaan. Ini juga merupakan salah satu daripada inisiatif di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan bagi memastikan pekerja pembinaan ditempatkan di penempatan yang lebih sihat dan selamat. Saya percaya CLAB dapat membantu kerajaan dalam usaha

untuk memantau dan menguatkuasakan undang-undang serta Akta-Akta sedia ada.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

15. Sebagai mengakhiri ucapan, saya berharap agar CLAB dapat meneruskan momentum kecemerlangan dan terus memandang ke hadapan untuk membawa perubahan dalam industri pembinaan khususnya dalam menguruskan pekerja asing di Malaysia. Selain itu, CLAB juga berhasrat untuk memperluaskan rangkaian Centralised Labour Quarters (CLQ) bagi seluruh Semenanjung Malaysia. Saya percaya bahawa pihak CLAB telah bersedia

untuk menguruskan sepenuhnya pekerja binaan asing di Malaysia.

16. Pada kesempatan ini, saya sekali lagi ingin menzahirkan penghargaan saya di atas segala usaha yang telah dilaksanakan oleh seluruh warga kerja CLAB dahulu dan sekarang. Teruskanlah tanggungjawab anda semua dengan penuh dedikasi, kreatif dan berintegriti ke arah memastikan kelestarian persekitaran pengambilan pekerja asing di negara ini yang dapat dipertingkatkan untuk kebaikan nama negara bersama.

Sekian Terima Kasih.